RESENSI BUKU (ULASAN BUKU)

MOHAMMAD NATSIR – *PENDDIDIK UMMAH*

Mohammad Natsir Pendidik Ummah pada asalnya adalah merupakan hasil disertasi Dr Gamal Abdul Nasir bin Hj Zakaria untuk Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999. Dikompilasikan dalam bentuk buku secara ilmiah, buku ini telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia dengan cetakan pertama pada tahun 2003. Buku yang memuatkan 5 bab ini mengandungi 140 muka surat.

Bab 1 – Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis telah merungkai perihal Mohammad Natsir (1908 – 1993) secara *universal*, bermula dengan menyatakan keperibadian beliau sebagai seorang negarawan, ahli politik, pendakwah, pendidik dan pemimpin umat abad ke 20. Selaku seorang insan yang *multidimensi*, sepanjang hayatnya beliau telah memberikan perkhidmatan dan pengabdian yang cemerlang bukan setakat di Indonesia, bahkan kepada umat Islam amnya. Beliau juga seorang pemimpin yang istiqamah dalam mempertahankan prinsip lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan permasalahan agama dan umat. Sebagai tokoh pembaharuan dan intelektual Muslim, Mohammad Natsir mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memperbaiki fahaman dan pengamalan agama masyarakat Islam di Indonesia, dengan tidak mencampuradukkan bidaah, khurafat dan tahayul. Dalam usaha pembaharuan dan pemikiran dan pengamalan Islam di Indonesia, Mohammad Natsir mempraktikkan cara dakwah dan pendidikan. Walaupun terjadi perbezaan pendapat antara beliau dengan pemerintah, perbezaan tersebut tidak membuatnya mengambil langkah yang berlawanan dengan hukum. Secara konsisten, beliau mengikuti jalan yang betul, sah dan demokratik.

Kejujuran Mohammad Natsir dapat dilihat dari tingkah lakunya yang tidak pernah menyalahgunakan kuasa, meskipun pernah memegang jawatan menteri kabinet dan Perdana Menteri. Sebagai tokoh demokrasi pula, beliau sentiasa mengambil keputusan secara syura. Beliau yakin prinsip-prinsip Islam tentang syura lebih dekat kepada rumusan demokrasi moden, dengan meletakkan etika agama sebagai asas membuat keputusan. Beliau berundur dari dunia politik pada tahun 1960 dengan pembubaran parti ***Majlis Syura Muslimin Indonesia*** (***MASYUMI***).

Sementara dalam bidang pendidikan, sumbangan Mohammad Natsir secara maksima terhadap pendidikan Islam di Indonesia setanding dengan sumbangannya dalam bidang-bidang lain seperti politik, pemerintahan dan pembaharuan pemikiran, kerana hampir keseluruhan hayatnya dicurahkan dalam bidang dakwah dan pendidikan.

Bab 2 – Riwayat Hidup Mohammad Natsir

Dalam bab kedua, penulis telah menukilkan sejarah kehidupan Mohammad Natsir sejak beliau kecil dengan menyatakan asal usul beliau, pendidikan beliau dan juga guru-guru yang pernah mendidik beliau.

Mohammad Natsir dilahirkan di Desa Alahan Panjang, Solok Sumatera Barat pada 17 Julai 1908, dan meninggal dunia di Jakarta pada 6 Februari 1993 ketika berusia 84 tahun. Ayahnya bernama Muhammad Idris Sutan Saripado dan ibunya bernama Khadijah. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang sederhana. Ayahnya hanya seorang jurutulis di sebuah pejabat kerajaan Belanda di daerah Maninjau. Datuknya pula seorang alim yang mengajar agama di kampungnya. Dibesarkan dalam suasana dan harmoni, keluarga beliau memang taat beragama dan teguh memegang prinsip dan nilai keislaman.

Mohammad Natsir belajar secara formal di sekolah Belanda yang menggunakan sistem pendidikan Barat. Beliau mula menerima pendidikan rendahnya di *Hollands Inlandche School* (Sekolah Rendah) pada sesi pagi selama tujuh tahun (1916 – 1923) di Solok, kampung kelahirannya. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Belanda. Sementara sebelah petang hingga Maghrib, beliau belajar agama di *Madrasah Diniyyah* di kampungnya. Di sinilah beliau mendapat asas-asas pendidikan agama, mengaji Al-Qur'an dan Bahasa Arab daripada Tuanku Mudo Amin.

Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah rendah di *Meer Uitgebreid Lager Onderwijs* (*MULO*) di Padang selama empat tahun (1923 – 1927 M). Sekolah ini juga menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar. Seterusnya di peringkat menengah atas, beliau meneruskan pengajian di *Algemene Middelbare School* (*AMS*) di Bandung, Jawa Barat dalam bidang kesusasteraan klasik Barat selama tiga tahun (1927 – 1930 M). Mohammad Natsir adalah seorang pelajar yang kreatif dan cemerlang, sehingga beliau mampu menguasai bahasa Belanda, Jerman dan Perancis dengan baik, sama ada secara lisan maupun tulisan. Beliau telah menamatkan pelajaran dengan keputusan yang amat cemerlang dan layak melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti sama ada di Indonesia maupun di Belanda. Beliau juga turut mendalami ilmu agama secara ilmiah dan berguru dengan seorang ulama yang berfikiran maju iaitu Ustaz Ahmad Hassan, salah seorang tokoh pembaharuan di Indonesia.

Dalam banyak-banyak gurunya, Mohammad Natsir mengakui ada tiga orang yang sangat mempengaruhi perkembangan dan kematangan pemikirannya, dalam bidang keagamaan, politik dan pembaharuan. Mereka adalah Ustaz Ahmad Hassan (1887 – 1958 M), Haji Agus Salim (1884 – 1954 M) dan Syeikh Ahmad Surkati (1872 – 1943 M).

Sungguhpun Mohammad Natsir telah menceburi dua bidang ilmu yang berlainan, beliau mampu menguasai kedua-duanya dengan baik, malah menyatupadukan kedua-dua aliran pendidikan tersebut secara utuh.

Beliau turut menolak pemisahan antara ilmu agama dengan ilmu umum. Menurutnya, Pendidikan Islam tidak mungkin dipisahkan dengan ilmu umum, bahkan kedua-duanya mestilah saling mengisi dan melengkapi, dipelajari serta diajarkan secara *integriti.*

Bab 3 – Perjuangan Mohammad Natsir dalam Bidang Pendidikan

Dalam bab yang ketiga ini, penulis telah mengenengahkan beberapa karya yang pernah dihasilkan oleh Mohammad Natsir. Mula aktif menulis pada usia yang masih muda iaitu ketika di bangku sekolah menengah, Mohammad Natsir merupakan salah seorang pemimpin dan ulama yang meninggalkan khazanah berbentuk karya atau penulisan yang *monumental.* Penulisan pertama beliau yang sangat terkenal ialah *Qur'an Evangelie* (Qur'an adalah Wahyu) dan *Mohammad als Profeet* (Muhammad seorang Nabi) yang diterbitkan dalam surat khabar berbahasa Belanda *Algemeen Indische Dablad*, pada September 1929.

Mohammad Natsir bersama rakan-rakannya pernah menerbitkan majalah *Pembela Islam* dari tahun 1929 hingga 1933. Majalah tersebut diterbitkan untuk mempertahankan Islam daripada pelbagai serangan yang dilancarkan pihak musuh Islam, sama ada disebabkan kurang pengetahuan atau kesan benci semata-mata.

Tulisan dan karya Mohammad Natsir beragam dan bervariasi, hampir meliputi semua aspek kehidupan, termasuklah bidang politik dan pemerintahan, sosial, dakwah, falsafah, keagamaan, pendidikan, kebudayaan dan sejarah. Berpuluh-puluh buku telah dihasilkan oleh beliau sejak tahun 1930 hingga akhir hayatnya. Di antaranya ialah *Capita Selekta* (dua jilid), *Islam dan Kristian di Indonesia*, *Fiqh al-Dakwah* dan *Kebudayaan Islam dalam Perspektif Sejarah.*

Selain daripada itu, ada ratusan penulisan beliau yang tersebar dalam pelbagai majalah dan surat khabar, di samping kertas-kertas kerja yang dibentangkannya di forum antarabangsa. Khazanah penulisan beliau dalam pelbagai bahasa masih tersimpan di Perpustakaan Nasional Jakarta, Perpustakaan Universiti Leiden Belanda dan Perpustakaan Universiti Cornell Amerika Syarikat.

Dalam bab ini juga, penulis turut mengutarakan usaha Mohammad Natsir dalam mendirikan institusi pendidikan Islam bersama-sama rakan-rakan beliau, bermula dengan sebuah sekolah rendah yang menjalankan aktivitinya pada sesi sebelah petang dari jam tiga hingga lima petang. Sekolah yang dimulai daripada peringkat Taman Kanak-kanak, Sekolah Rendah hingga ke Sekolah Menengah ini telah dikendalikan oleh para guru yang berijazah dan berwibawa. Setelah menduduki sebuah bangunan yang besar dan luas dengan kemudahan yang mencukupi, beliau telah menyusun satu rancangan pendidikan yang lebih lengkap dan teratur. Program Pendidikan Islam yang dikemukakannya mempunyai empat

peringkat pengajian dimulai dengan Taman Kanak-kanak (*Kindergarten*), Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan ditambah dengan Maktab Perguruan (*Kweekschool*).

Manakala pendekatan dan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh Mohammad Natsir dan guru-guru di sekolah yang didirikannya, lebih dikenali sebagai '*strategi pemusatan murid*' atau ***Cara Belajar Siswa Aktif*** (***Teori Pemusatan Murid***). Maksudnya dalam pengajaran dan pembelajaran, lebih banyak masa diperuntukkan kepada pembelajaran murid, biasanya dengan menggunakan kaedah perbincangan, penyelesaian masalah, penemuan dan *simulasi*.

Selain daripada sekolah, Mohammad Natsir berserta rakan-rakannya turut berjuang untuk memartabatkan profesi perguruan terutama perguruan Islam sehingga setanding dan setaraf dengan mereka yang berada dalam jurusan atau bidang yang sama. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, beliau telah menyeru perguruan dan institusi pendidikan Islam untuk membentuk suatu wadah bersama bagi perguruan-perguruan Islam yang dinamakan ***Perikatan Perguruan-Perguruan Muslim*** (***PERMUSI***). Mohammad Natsir berharap melaluinya terjalin satu *koordinasi* dan kerjasama antara perguruan-perguruan Islam, supaya mudah untuk mengatasi masalah dan kekurangan yang pasti ada pada setiap institusi.

Bab 4 – Mohammad Natsir dan Pemikiran Pendidikan Islam

Menerusi bab ini, penulis telah mengupas secara lebih terperinci sumbangan Mohammad Natsir terhadap pendidikan khususnya pendidikan Islam. Walaupun idea dan gagasan tentang pendidikan Islam yang dikemukakan oleh Mohammad Natsir muncul di Indonesia, namun hakikatnya melangkaui batas dan tempat, bersifat *universal* dan ditujukan kepada umat Islam. Secara ringkasnya, antara pemikiran beliau terhadap pendidikan Islam bermula dengan Tauhid sebagai asas pendidikan, diikuti dengan Konsep Ilmu, kemudian Tradisi dan Disiplin Berfikir (kemerdekaan dan kebebasan berfikir), Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan seterusnya Pondok Pesantren selaku kesinambungan dan perubahan zaman.

Dalam bab ini juga penulis telah mengemukakan Konsep Pendidikan Bersepadu secara umumnya memiliki ciri-ciri khas iaitu pendidikan yang bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah, pendidikan yang berteraskan Tauhid, adanya integrasi antara iman, ilmu dan amal, dan tiada pemisahan antara konsep ilmu agama dan ilmu dunia (ilmu umum). Penulis turut mengaitkan Pendidikan Bersepadu menurut Mohammad Natsir dan perbezaannya dengan *dualisme* dalam pendidikan.

Konsep Ilmu juga diketengahkan dalam bab ini dengan memperincikannya secara panjang lebar dan menghubungkaitkan pandangan Mohammad Natsir dengan pemikiran tokoh-tokoh ilmuan yang tidak

asing lagi iaitu tokoh ahli falsafah Islam, ***Hujjatul Islam*** **al-Imam al-Ghazali** (1059 – 1111 M) dan tokoh ahli sejarawan Islam, **Ibn Khaldun** (1331 – 1405 M).

Secara amnya, Mohammad Natsir, al-Ghazali dan Ibn Khaldun mengklasifikasikan ilmu kepada dua bahagian, walaupun dengan istilah yang berbeza namun mempunyai maksud yang lebih kurang sama. Imam al-Ghazali menggunakan istilah Ilmu Syariah dan Ghairu Syariah, Ibn Khaldun pula menggunakan istilah Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli, manakala Mohammad Natsir menggunakan istilah Ilmu umum dan Ilmu Agama.

Bab 5 – Kesimpulan

Penulis telah banyak mengenengahkan pelbagai usaha dan sumbangan positif yang dicurahkan oleh Mohammad Natsir dalam pelbagai bidang dari sejak mudanya sehinggalah akhir hayat beliau. Namun apa yang pasti pengorbanan beliau yang terlalu besar lebih cenderung kepada bidang pendidikan sekaligus mencorak dan mewarnai institusi pendidikan ke hari ini.

Dalam bab ini, ada enam rumusan yang telah disimpulkan oleh penulis berdasarkan huraian dan analisis yang telah dikemukakan tentang pemikiran Mohammad Natsir terhadap pendidikan Islam di Indonesia.

Sungguhpun Mohammad Natsir telah tiada, menurut penulis beliau telah mewariskan idea dan gagasan serta pemikiran dalam beberapa aspek yang sangat berharga, hampir kesemuanya tercatat dalam penulisan beliau sama ada dalam bentuk karangan maupun dalam bentuk buku. Dari semua karyanya beliau telah meletakkan dan menjadikan Islam sebagai asas dalam pemikiran dan perjuangannya agar tercapai dan terlaksana syariah Ilahi dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara.

Dinukilkan daripada buku ***Mohammad Natsir Pendidik Ummah, oleh Dr Gamal Abdul Nasir Zakaria, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003.***

Turut dimuatkan dalam website berikut ; http://mohamadnatsir.wordpress.com

Hj Rose De Yusof bin Hj Mohd Ramlee (08M0751)

Sarjana Pendidikan dalam Pengajian Islam

Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam

26 Januari 2009